

**KAJIAN PERBANDINGAN DALAM PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG KUTIPAN ZAKAT DI PROVINSI ACEH DAN NEGERI KEDAH**

***A COMPARATIVE STUDY OF THE ADMINISTRATION OF ZAKAT LAWS IN THE PROVINCE OF ACEH AND THE STATE OF KEDAH***

**Jasni Sulong\* and Anwar Mohd Ali**

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Penang

\*Corresponding author: jasni@usm.my

*Zakat adalah merupakan antara sumber kewangan negara bagi meningkatkan ekonomi masyarakat bawahan. Pengurusan kutipan dan agihan zakat yang efektif akan membangunkan kehidupan masyarakat. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji dan membandingkan pentadbiran Islam mengenai zakat di dua buah negeri, iaitu Aceh di Indonesia dan Kedah di Malaysia. Kedua-dua negeri ini mempunyai hubungan yang tersendiri apabila masing-masing mempunyai umat Islam yang ramai, majoritinya berbangsa Melayu dan merupakan antara wilayah yang awal menerima Islam di rantau ini. Fokus kajian adalah berdasarkan analisis pensejarahan, perkembangan ekonomi dan pembangunan, serta senario terkini dalam pentadbiran undang-undang zakat. Kajian akan menyelidik peranan zakat sebagai dana pembangunan untuk masyarakat Islam dalam sesebuah negeri, bentuk pengurusan dan pentadbiran undang-undang berkenaannya. Bagi tujuan ini, kajian dilakukan dengan menggunakan metod kualitatif dan temu bual ke atas beberapa responden bagi melihat aspek pentadbiran undang-undang Islam mengenai zakat. Penemuan menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang yang tegas, diikuti institusi yang teratur dengan kakitangan dan matlamat yang terfokus, dapat memberi impak kepada prestasi kutipan zakat serta keyakinan masyarakat kepada institusi ini untuk membayar zakat.*

**Kata kunci:** undang-undang Islam, pentadbiran zakat, baitulmal, Aceh, Kedah

*Tithe or alms is an important source of revenue for the state to improve the economic condition of the poor. Management of the tithe collection as well as its effective distribution will help develop the community. Thus, this paper aims to study the Islamic administration of tithe in two states, namely Aceh in Indonesia and Kedah in Malaysia. Both states have their own relationship in a context where they both have a large number of Muslims, the majority of which are ethnic Malays, and they constitute one of the early regions to accept Islam. The*

*focus of the study is based on historical analysis, economic growth and development, as well as the contemporary scenario in the administration of tithe law. The study will investigate the role of tithe as a fund for community development within the state, its management as well as the administration of the law. For this purpose, the study is conducted using qualitative methods and interviews with a number of respondents in order to examine the administrative aspects of Islamic law on tithe. The finding shows that the strict enforcement of law, accompanied by institutions organised with manpower and focused objectives, will have an impact on the tithe collections as well as the confidence of community towards the institutions.*

Keywords: Islamic law, *zakat* administration, baitulmal, Aceh, Kedah

## **PENDAHULUAN**

Zakat merupakan salah satu produk kewangan Islam dalam membantu meningkatkan taraf hidup umat Islam khususnya yang melibatkan mereka yang fakir, miskin, golongan mualaf dan para pelajar. Zakat dapat membasmi kemiskinan antara sesama komuniti, menerap budaya tolong-menolong dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat daripada sudut ekonomi melalui sistem penggiliran atau tampungan kewangan. Hal ini dapat diperhatikan daripada ayat 19 Surah *al-Dhariyyat* apabila Allah SWT menyatakan bahawa dalam setiap rezeki dan harta yang dikurniakan kepada seseorang Muslim itu terdapat hak orang miskin yang memerlukannya. Kewujudan hak orang yang miskin ini menunjukkan komitmen dan tanggungjawab setiap mereka yang berharta untuk saling bantu-membantu dan bekerjasama dalam memperbaiki taraf hidup sesebuah komuniti. Justeru, kutipan zakat yang tinggi akan dapat membantu anggota dalam masyarakat itu sendiri melalui kemampuan jumlah agihan zakat yang besar kepada mereka yang sangat memerlukan.

Pengelolaan zakat secara profesional diyakini dapat mencapai hasrat ini dan membantu wujudnya pembangunan insan kepada yang lebih baik dan sempurna. Justeru, aspek pentadbiran dan pengurusan hal-ehwal zakat perlu dilaksanakan dengan baik oleh agensi dan badan yang dipertanggungjawab.<sup>1</sup> Bagi tujuan ini, perbincangan akan meneliti dengan membandingkan pentadbiran zakat di dua wilayah iaitu, Nanggroe Aceh Darussalam (NAD) dan Negeri Kedah Darul Aman. Justifikasi pemilihan tajuk ini adalah berikutan Aceh dan Kedah mempunyai titik persamaan daripada segi penguatkuasaan undang-undang mengenai zakat. Kedua-dua wilayah ini mempunyai penduduk Islam yang ramai dan undang-undang pentadbiran mengenai zakat telah wujud sejak awal pentadbirannya lagi. Berdasarkan potensi, kedua-dua negeri ini mempunyai potensi zakat yang besar kerana hal ini dan begitu juga potensi bagi keseluruhan

kedua-dua buah negara antara Indonesia dan Malaysia. Menurut hasil penelitian Pusat Budaya dan Bahasa Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta pada tahun 2004 sehingga 2005, potensi zakat, *infaq* dan sedekah pada setiap tahun di Indonesia adalah dianggarkan mencapai Rp19.3 trilion.<sup>2</sup> Bagaimanapun, kutipan yang terkumpul pada tahun 2009 hanya mencapai Rp1.2 trilion atau 6.2% sahaja daripada potensi sebenar. Angka ini adalah sangat kecil jika dinisbahkan pada penduduk Indonesia yang sekitar 231 juta orang, di mana 85% daripadanya beragama Islam (196 juta).<sup>3</sup> Sementara di Malaysia, potensi kutipan zakat adalah lebih kecil sesuai dengan jumlah umat Islamnya pada sekitar 60.4% daripada 25 juta jumlah penduduk dalam negara. Anggaran potensi perolehan zakat Malaysia pada tahun 2009 adalah sekitar RM3 bilion.<sup>4</sup> Bagaimanapun, kutipan zakat yang dipungut pada tahun 2009 ialah sekitar RM1.2 milion, dan angka ini adalah lebih tinggi daripada pencapaian nisbah kutipan dan potensi di Indonesia.<sup>5</sup>

Senario ini menunjukkan masih ada jurang pemisah yang besar antara potensi dengan kutipan sebenar zakat yang terkumpul.<sup>6</sup> Justeru, banyak usaha perlu dilakukan sama ada oleh pihak berkuasa atau pembayar zakat bagi mengatasi kekurangan ini sama ada dengan dakwah, kempen penggalakan dan penguatkuasaan undang-undang. Usaha semua pihak ini penting kerana nilai dan kualiti hidup anggota masyarakat akan dapat dipertingkatkan menerusi institusi zakat. Ia akan dapat memberi kesan kepada pengagihan kekayaan dalam sesebuah masyarakat Islam di mana setiap anggota masyarakat akan dapat membantu dan menyumbang kepada keadilan ekonomi dan kemakmuran komuniti secara umum. Dalam erti kata yang lain, jurang ekonomi antara umat Islam dapat ditampung menerusi fungsi zakat di mana setiap pihak mempunyai peranan dan sumbangan dalam membawa masyarakat ke arah kemajuan.

Kajian ini penting untuk dilakukan bagi mengisi lompang dalam kajian-kajian mengenai pentadbiran undang-undang zakat. Kebanyakan perbincangan mengenai zakat sebelum ini hanya meneliti daripada sudut teori umum mengenai harta yang dikenakan zakat,<sup>7</sup> persoalan mereka yang berhak menerima zakat,<sup>8</sup> peranan zakat dalam pembangunan ekonomi,<sup>9</sup> pelaksanaan zakat di wilayah-wilayah tertentu<sup>10</sup> tetapi tiada penelitian lanjut mengenai pentadbiran undang-undang mengenai zakat dan perbandingan pelaksanaannya antara wilayah-wilayah. Jika terdapat kajian perbandingan antara wilayah pun, ia tidak berkisar mengenai perbandingan pentadbiran undang-undang tetapi lebih kepada aspek pengurusan zakat seperti *Pengelolaan Zakat di Medan dan Pulau Pinang: Suatu Kajian Perbandingan*<sup>11</sup> dan aspek khusus zakat yang lain seperti, *Kaedah Penetapan Kadar Zakat Fitrah, menurut Undang-Undang Pentadbiran Islam: Satu Kajian di Negeri Selangor dan Kelantan*.<sup>12</sup> Sejajar dengan kajian yang berbentuk pengurusan, artikel ini lebih memfokus perbincangan mengenai pembayar dan kutipan zakat, kaedah pengumpulan dan pengagihan zakat, serta

kelebihan dan kekurangan yang terdapat antara dua wilayah terbabit. Dalam penulisan ini, tiada penelitian dilakukan mengenai peruntukan undang-undang secara khusus dan menyeluruh di antara dua wilayah, seperti penelitian daripada aspek penguatkuasaan undang-undang secara perbandingan. Oleh kerana itu, kajian ini cuba mengisi kekosongan ini bagi membincang perkembangan dan pelaksanaan pentadbiran undang-undang mengenai zakat di Aceh dan negeri Kedah dalam bentuk kajian perbandingan dalam pentadbiran undang-undang.

## KONSEP ZAKAT DALAM ISLAM

Perkataan 'zakat' daripada sudut bahasa mempunyai beberapa maksud,<sup>13</sup> iaitu *al-barakah* (keberkahan), *al-nama'* (pertumbuhan dan perkembangan), *at-taharah* (kesucian) dan *as-salah* (kebaikan).<sup>14</sup> Nas al-Quran telah menyebut mengenainya dalam pelbagai konteks dan istilah<sup>15</sup> seperti disebut dalam kata nama khas (*ma'rifah*) sebanyak 30 kali, iaitu 8 kali dalam ayat *Makkiyyah* dan selainnya dalam ayat *Madaniyyah*. Berdasarkan istilah, zakat adalah sebahagian harta yang diwajibkan Allah SWT ke atas seseorang pemilik, untuk dikeluarkan dan diserahkan kepada yang berhak menerima dengan pensyaratan tertentu.<sup>16</sup> Zakat merupakan suatu ibadat kehartaan (*maliyah*) dalam Islam dan merupakan salah satu daripada rukun Islam. Tujuannya ialah untuk membantu sesama umat Islam di mana harta yang dikeluarkan zakat akan berkembang melalui peredaran harta dalam masyarakat melalui pengagihan dan penggunaan.<sup>17</sup>

Sebagai komponen rukun Islam, hukum berzakat adalah wajib dan mengingkari kefarduannya adalah kafir. Sebarang harta yang dinyatakan secara jelas melalui nas syarak adalah wajib dikeluarkan zakat,<sup>18</sup> seperti emas, perak, hasil pertanian, haiwan ternak, harta perdagangan, perniagaan dan *rikaz* (harta galian).<sup>19</sup> Berasaskan senarai ini, para ulama memperincikan suatu konsep bahawa sesuatu harta yang diwajibkan zakat hendaklah bersifat halal, bersih,<sup>20</sup> produktif, berkembang (*an-nama'*),<sup>21</sup> milik penuh,<sup>22</sup> mencapai kadar yang tertentu (nisab),<sup>23</sup> melebihi daripada keperluan asas<sup>24</sup> dan cukup tempoh milikan setahun (*hawl*).<sup>25</sup> Berasaskan sifat pada konsep ini, harta yang diwajibkan zakat adalah dinamik di mana kewajipan zakat boleh dikenakan ke atas perkara-perkara mendatang apabila menepati konsep dan syarat yang telah diperincikan. Keuniversalan harta zakat ini sesuai dengan umumnya nas syarak yang merujuk kepada harta yang dikenakan zakat sebagaimana firman Allah SWT, "pungutlah olehmu kutipan zakat daripada harta kekayaan (*amwal*) mereka, kamu bersihkan dan sucikan mereka dengannya."<sup>26</sup> Dalam nas yang lain Allah SWT berfirman, "dalam harta kekayaan (*amwal*) mereka terdapat hak orang yang meminta-minta dan orang yang melarat."<sup>27</sup> Begitu juga hadith Rasulullah SAW yang menyokong konsep zakat yang dikenakan pada orang-orang yang kaya.<sup>28</sup> Berdasarkan nas ini, konsep harta zakat adalah meluas<sup>29</sup> dan dinamik sesuai dengan punca

kekayaan manusia yang turut berkembang dalam pelbagai bentuk sesuai dengan perkembangan dunia moden. Justeru, sebahagian para ulama mewajibkan zakat ke atas harta-harta bentuk baru sesuai dengan konsep di atas. Maka tidak hairanlah harta moden seperti pendapatan bulanan, keuntungan tukaran mata wang, aktiviti saham, hasil pelaburan dan bon turut dikenakan zakat pada hari ini. Walau bagaimanapun, kewajiipan ini tidak mendapat persepakatan dalam kalangan ulama seperti dalam konteks zakat gaji, zakat tanaman yang bukan makanan asasi (ruji) dan juga zakat galian moden seperti berlian, mutiara dan petrol.<sup>30</sup> Justeru, pelaksanaan hukum adalah berdasarkan pentadbiran undang-undang di sesebuah negara, fatwa yang dikeluarkan, kefahaman individu dan sikap masyarakat mengenai ibadat *maliyah* ini.

Dalam konteks pentadbiran undang-undang, zakat bukan lagi sekadar kewajipan rukun Islam dan hukum ibadat, malah ia juga sebahagian daripada sistem kewangan negara untuk mengatur kebajikan anggota masyarakat tertentu.<sup>31</sup> Dalam hal ini, pemerintah berkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang bagi mendapatkan hasil zakat sebagaimana yang berlaku pada zaman Khalifah Abu Bakar r.a. Perintah tersebut boleh dizahirkan dalam bentuk peraturan, warta kerajaan, fatwa atau pengubalan undang-undang yang komprehensif. Walau bagaimanapun, kaedah pembayaran zakat adalah tidak mandatori dalam Islam di mana seseorang pembayar zakat boleh membayar terus wang zakatnya kepada asnaf yang terlibat. Dalam hal ini, tuntutan agama ke atas seseorang pembayar zakat telah sempurna apabila zakat dikeluarkan. Pada zaman Khalifah Uthman Ibn Affan berlaku keadaan di mana pembayar zakat dibenarkan mengagihkan terus kepada *asnaf* bagi kategori harta batin,<sup>32</sup> tetapi sebaliknya bagi harta zahir<sup>33</sup> yang perlu diserahkan kepada amil yang dilantik oleh pemerintah.<sup>34</sup> Bagaimanapun di bawah *siyasah syar'iyah*, pemerintah berkuasa untuk mengatur undang-undang bagi memastikan semua zakat dibayar kepada amil yang dilantik oleh pemerintah.

## **SEJARAH HUBUNGAN KEDAH DAN ACEH**

Aceh dan Kedah adalah antara wilayah yang paling awal memeluk agama Islam di Kepulauan Melayu menerusi sejarah Pasai dan Kedah Tua antara tahun 829M hingga 1136M.<sup>35</sup> Berdasarkan kedudukan geografi, Kedah dan Aceh berada hampir bersetentangan di pintu masuk sebelah utara Selat Melaka. Kedudukan ini bukan sahaja menunjukkan dekatnya sempadan antara dua wilayah, malah keduanya pernah berperanan sebagai sebuah bandar pelabuhan dan lokasi yang strategik untuk para pendakwah Islam dan pedagang semenjak abad ke-9 Masihi. Pada ketika tersebut, pedagang Kedah dari Merbok pernah dilaporkan berdagang sehingga ke Samudera dan Pasai. Secara tidak langsung, situasi ini mewujudkan hubungan silang antara Kedah dan Aceh lebih-lebih lagi mereka adalah serumpun

daripada segi budaya dan bangsa. Maka tidak hairanlah peringkat awal hubungan Kedah-Aceh adalah atas dasar perdagangan di mana hubungan ini telah membawa kepada kemasukan Islam ke Kedah melalui Pasai.<sup>36</sup> Keterangan ini disokong berdasarkan penemuan sepasang batu nisan yang ditemui di Minye Tujuh, Aceh yang bertarikh 781 Hijrah (1380 Masihi). Pada nisan itu terpahat suatu fakta yang antara lain berbunyi "*Mpu hak Kedah Pasei Ma*" yang merujuk bahawa al-Marhum Raja Islam Aceh tersebut "mempunyai hak kekuasaan ke atas Kedah dan juga Pasai."<sup>37</sup>

Menurut sejarah, penguasaan Raja Aceh ke atas Kedah berlaku melalui peperangan yang berlaku pada abad ke-14 Masihi. Berdasarkan prasasti Minye Tujuh (1380M) di atas,<sup>38</sup> Kedah telah mula berperang dengan Aceh semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Syah I (1373–1423M). Apabila Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607–1636) menjadi pemerintah Aceh, Aceh telah muncul sebagai kuasa terkuat di Selat Melaka dan pada tahun 1619, Aceh telah berjaya menawan Kota Siputih yang pada waktu itu adalah ibu negeri Kedah.<sup>39</sup> Duli Yang Maha Mulia Sultan Sulaiman Shah II (1602–1619), permaisuri dan kira-kira 7000 rakyat telah dibawa ke Aceh sebagai tawanan dan baginda berdua mangkat di sana.<sup>40</sup> Hubungan keruh antara Aceh dan Kedah kemudian kembali damai pada awal abad ke-20 Masihi akibat konflik dengan penjajahan Barat di tempat masing-masing<sup>41</sup> dan kesan hubungan perdagangan.<sup>42</sup> Jelasnya, peperangan antara Aceh dan Belanda (1873–1908) telah merapatkan hubungan antara dua Kerajaan Melayu ini berasaskan persamaan agama dan rumpun bangsa. Pada waktu itu iaitu sekitar tahun 1903, berlaku penghijrahan secara besar-besaran orang Aceh ke Kedah yang tertumpu di Daerah Yan, Kedah di samping ke Negeri Perak, Pulau Pinang dan Pulau Langkawi.<sup>43</sup> Mereka lari daripada kezaliman Belanda dan mencari lokasi bagi perlindungan dan persediaan jihad. Kesannya telah melahirkan beberapa institusi pondok yang didirikan oleh beberapa ulama Aceh di Yan. Latar belakang ini membentuk hubungan istimewa antara Aceh dan Kedah di mana sebahagian masyarakat di Aceh adalah merupakan komuniti kecil daripada Kedah dan demikianlah sebaliknya. Perkisahan ini menunjukkan bahawa Aceh dan Kedah bukan sahaja pernah berkongsi dalam bidang perdagangan, malah pernah menjadi pusat pertapakan dan penyebaran Islam yang utama sejak zaman dahulu. Maka tidak hairanlah kedua wilayah ini menjadi antara wilayah yang perlu dikaji bagi meneliti perkembangan perundangan Islam khususnya dalam aspek yang berkaitan dengan pembangunan kekayaan masyarakat seperti pentadbiran undang-undang zakat.

## **UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT DI ACEH**

Sejak Aceh menerima Islam sekitar abad ke-7 M, kaedah pentadbiran undang-undang zakat dalam kalangan umat Islam adalah secara tradisional, iaitu bergantung pada kesedaran masyarakat Islam hasil daripada usaha dakwah dan pengajaran agama. Oleh kerana itu, pihak berkuasa rasmi bagi pentadbiran zakat di Aceh hanya ditubuhkan pada tahun 1973 dengan nama Badan Penertiban Harta Agama (BPHA). Kemudian ditukar menjadi Badan Harta Agama (BHA) pada tahun 1976 dan seterusnya dipinda sekali lagi kepada Badan Amil Zakat, *Infaq* dan Sedekah (BAZIS) pada tahun 1993, berdasarkan keputusan bersama yang dibuat antara Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri pada tahun 1991.

Nanggroe Aceh adalah merupakan wilayah istimewa di Indonesia kerana mempunyai sejarah perjuangan Islam yang tersendiri dan merupakan antara wilayah yang paling ramai menganut agama Islam. Justeru, terdapat undang-undang khusus yang diberikan kepada Nanggroe Aceh dalam melaksanakan pentadbiran undang-undangnya melalui Undang-Undang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh No. 44 Tahun 1999. Berdasarkan keunikan ini, persoalan pentadbiran undang-undang zakat di Aceh juga tidak ditadbirkan menurut Undang-Undang Indonesia No. 38 Tahun 1999 sebagaimana wilayah-wilayah yang lain. Justeru berdasarkan Undang-Undang No. 44 Tahun 1999, Negeri Aceh diberikan keistimewaan untuk melaksanakan syariat Islam dalam kehidupan umat Islamnya.<sup>44</sup> Sebagai contoh, Pasal 4 ayat (1) Undang-Undang No. 44 Tahun 1999 menyatakan:

Penyelenggaraan kehidupan beragama di daerah diwujudkan dalam bentuk pelaksanaan Syariat Islam bagi pemeluknya dalam masyarakat. Dalam peraturan pelaksanaan, pasal 11 dinyatakan: penyelenggaraan keistimewaan sebagaimana dimaksud dalam pasal 3, 4, 5, 6, 7, 8, dan 9 diatur lebih lanjut dengan Peraturan Daerah berdasarkan peraturan perundang-undangan berlaku.

Keistimewaan Aceh ini diperkuatkan lagi melalui penetapan provinsi ini sebagai Daerah Autonomi Khusus kira-kira dua tahun kemudian melalui Undang-Undang No. 18 Tahun 2001. Undang-undang ini memberikan autonomi bidang kuasa yang cukup besar kepada pemerintah Aceh, sama ada di peringkat pemerintahan provinsi mahupun kabupaten/kota, jika dibandingkan dengan daerah lain di Indonesia. Justeru dalam bidang pentadbiran, Peraturan Daerah (PERDA) No. 5 Tahun 2000 telah memberikan kuasa kepada pemerintah Aceh untuk melaksanakan pentadbiran Islam sepenuhnya termasuk menubuhkan badan baitulmal sendiri.<sup>45</sup> Dalam pasal 4 ayat (1) PERDA diperuntukkan:

Setiap pemeluk agama Islam wajib mentaati, mengamalkan/menjalankan syariat Islam secara *kaffah* dalam kehidupan sehari-hari dengan tertib dan sempurna. Bertolak dari pengertian *kaffah*, syariat dilaksanakan secara menyeluruh, termasuklah di dalamnya segala aspek yang berkaitan dengan Baitulmal.<sup>46</sup>

Manakala Pasal 14 (1) dan (2) memperluaskan lagi maksud autonomi ini dengan memberikan kuasa secukupnya kepada Pemerintah Daerah untuk menguruskan baitulmal di peringkat daerah, sebagaimana dinyatakan:

Pemerintah Daerah dapat membentuk dan mengatur organisasi Baitulmal. Pembentukan organisasi Baitulmal ditetapkan dengan Keputusan Gubernur.<sup>47</sup>

Keadaan ini mewujudkan perbezaan dalam pentadbiran undang-undang mengenai zakat di Aceh berbanding dengan wilayah-wilayah lain di Indonesia, di mana fungsi Badan 'Amil Zakat Daerah (BAZDA) di Aceh berlainan dengan fungsi BAZDA dalam Undang-undang No. 38/1999 di peringkat nasional. BAZDA di Aceh ditubuhkan pada setiap peringkat provinsi,<sup>48</sup> yang berada di bawah kuasa pentadbiran baitulmal yang menjadi Lembaga Pengelola Zakat Daerah. Baitulmal ditubuh melalui Keputusan Gabenor Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 18 Tahun 2003 pada 16 Julai 2003, yang merangkumi pembentukan organisasi dan bidang kuasa pentadbiran sama ada di peringkat provinsi, kabupaten/kota atau gampong. Di bawah lembaga pengelola ini, terdapat BAZIS yang juga dilantik melalui Surat Kuasa Gabenor.<sup>49</sup> Matlamat utama pada ketika ini ialah menjadikan zakat sebagai salah satu sumber Pendapatan Asli Daerah (PAD) bagi memperbaiki ekonomi umat Islam Aceh yang seramai 98.87% daripada keseluruhan populasi.<sup>50</sup> Kejayaan matlamat ini akan dapat digunakan untuk memaju dan membangunkan daerah dengan lebih baik kerana potensi pendapatan yang akan diperolehi adalah tinggi.

Secara rasminya, operasi Badan Baitulmal Aceh bermula pada 13 Januari 2004 melalui pengubalan Qanun Aceh No.7 Tahun 2004 mengenai pentadbiran undang-undang Zakat.<sup>51</sup> Qanun tersebut menyebut bahawa Badan Baitulmal berkuasa mentadbir harta agama yang bersumber daripada zakat, *infaq*, sedekah, *meusara*,<sup>52</sup> waqaf, wasiat, warisan, *imarah*, hibah dan lain-lain. Pasca tragedi tsunami pada tahun 2004 dan termeterainya MoU di Helsinki yang telah menamatkan konflik bersenjata di Aceh pada tahun 2005, telah menyebabkan Aceh mengalami beberapa perubahan pentadbiran undang-undang di mana Undang-undang Pemerintahan Aceh (PA) No. 18 Tahun 2001 telah diganti dengan Undang-undang No. 11 Tahun 2006. Undang-undang ini bukan sahaja telah memperuntukkan mengenai status zakat sebagai PAD dan Pendapatan Asli



Kabupaten/Kota (PAK),<sup>53</sup> malah juga memperuntukkan mengenai bidang kuasa baitulmal dalam mengelola zakat, harta wakaf dan harta agama yang lain.<sup>54</sup> Kemudian, pengubalan dan penguatkuasaan Qanun Aceh No.10/2007<sup>55</sup> telah bertindak memansuhkan Qanun Nombor 7 Tahun 2004,<sup>56</sup> dan mengekalkan peruntukan tentang pengelolaan zakat di peringkat provinsi, kabupaten, kemukiman dan gampong (kampung).<sup>57</sup> Qanun Aceh No. 10/2007 ini juga telah menetapkan baitulmal sebagai *amil plus* yang berkuasa mengelola harta zakat, wakaf dan harta agama dalam erti yang luas sehingga turut berperanan sebagai 'wali pengawas' atau 'pemegang amanah'.<sup>58</sup>

Seterusnya, Peraturan Gabenor No.92 Tahun 2008 menjelaskan lagi struktur organisasi, hubungan hierarki dan mekanisme kerja oleh baitulmal. Menurut struktur organisasi, baitulmal yang ada di wilayah kabupaten/kota dan Unit-unit Pengumpul Zakat (UPZ) yang berfungsi sebagai cabang baitulmal tidak mempunyai hubungan hirarki dengan baitulmal provinsi. Oleh itu, baitulmal di kabupaten/kota mempunyai autonomi yang khusus dan luas sehingga dapat mentadbir sendiri dana-dana zakat yang terdapat di daerah-daerah masing-masing. Maka tidak hairanlah dalam Qanun Baitulmal Aceh No 10/2008 ada memperuntukkan bahawa zakat di Aceh boleh diagih dalam bentuk yang berbeza bagi meningkatkan lagi 'produktiviti' dan mendayagunakan wang zakat seperti pemberian modal usaha kepada fakir miskin. Tindakan sebegini dapat membantu golongan fakir miskin dengan lebih baik dalam memperbaiki taraf kehidupan mereka. Malah sumber zakat, *infaq* dan sedekah (ZIS) pernah dimanfaatkan oleh Lembaga Kewangan Mikro Syariah (LKMS) Aceh dengan membenarkan pinjaman secara *bayt al-qirad* kepada umat Islam bagi memulakan perniagaan. Bantuan diberikan kepada asnaf yang baru memulai usaha dan termasuk juga kepada yang pernah gagal. Jelasnya, amalan zakat produktif pernah disalurkan dalam jumlah tertentu oleh Badan Amil Zakat, *Infaq* dan *Sadaqah* (BAZIS) Aceh antara tahun 1993 sehingga 2003 walaupun sebelum penubuhan rasmi Baitulmal Aceh pada tahun 2004.<sup>59</sup>

Baitulmal Aceh pernah melaksanakan agihan zakat produktif kepada tiga sektor iaitu penternakan lembu dan kambing, penanaman sayur-sayuran dan peniagaan kecil di pasar-pasar tradisional. Penerima zakat menerima modal usaha antara Rp500 ribu sehingga Rp5 juta seorang. Syarat-syarat sebagai penerima zakat ini hendaklah salah seorang daripada asnaf zakat, mempunyai semangat untuk mengusahakan modal, berpengalaman dalam bidang yang ingin diceburi dan mampu memulangkan balik modal yang diberikan dalam masa setahun. Mereka juga diwajibkan mengikuti program-program dan aktiviti bagi meningkatkan kesedaran dan maklumat berhubung bidang yang diceburi. Kutipan bayaran balik modal adalah dilakukan secara bulanan dan seseorang penerima zakat produktif boleh memohon tambahan pinjaman sekiranya pinjaman terdahulu berjaya diselesaikan. Bagaimanapun, bagi yang gagal dalam usaha modal yang diberikan

akibat musibah atau hal-hal yang tidak disengaja, mereka masih akan dibantu dengan bantuan zakat konsumtif yang tidak perlu dikembalikan.<sup>60</sup>

## PENTADBIRAN PUNGUTAN ZAKAT DI ACEH

Sesuai dengan namanya, Badan Baitulmal Aceh bukan hanya menguruskan perolehan daripada sumber-sumber harta zakat sahaja, bahkan ia juga menguruskan perolehan harta-harta lain seperti wakaf, *hibah*, amanah dan pusaka.<sup>61</sup> Berdasarkan kepelbagaian sumber ini, maka tentulah jumlah perolehan Badan Baitulmal Aceh adalah besar. Kepala Bidang Pengumpulan Baitulmal Aceh menyatakan setiap tahun Baitulmal Aceh berpotensi untuk memperoleh zakat sehingga Rp100 milyar setahun.<sup>62</sup> Bagaimanapun, kutipan sebenar adalah tidak sedemikian dan maklumat perolehan Baitulmal Provinsi Aceh antara tahun 2006 sehingga 2009 boleh dilihat sebagaimana berikut, iaitu:

Jadual 1: Jumlah penerimaan seluruh ZIS Baitulmal Aceh tahun 2006–2009

No.	Baitulmal	2006 (Rp)	2007 (Rp)	2008 (Rp)	2009 (Rp)
1	Kabupaten Aceh	5,069,927,000	9,631,166,000	17,467,915,322	20,550,996,822
2	Kabupaten Aceh Utara	1,821,543,932	4,362,831,667	5,578,429,453	6,622,465,141
3	Kabupaten Aceh Besar	1,930,289,134	2,923,310,451	4,787,656,866	5,335,259,241
4	Kabupaten Aceh Tengah	2,426,968,316	2,735,277,253	4,798,151,657	5,780,869,977
5	Kabupaten Kota Banda Aceh	1,241,169,648	2,799,574,802	4,180,963,863	6,702,693,665
6	Kabupaten Nagan Raya	1,233,035,459	1,521,920,000	2,543,540,676	2,725,430,000
7	Kabupaten Aceh Barat	1,408,519,688	2,013,957,923	2,869,225,574	4,345,236,531
8	Kabupaten Aceh Selatan	1,193,235,000	1,312,130,326	2,244,878,339	2,832,561,650
9	Kabupaten Pidie	920,335,564	747,607,158	971,684,909	1,210,421,516
10	Kabupaten Bireun	1,033,188,000	1,244,124,569	1,694,856,371	2,143,332,569
11	Kabupaten Bener Meriah	642,607,128	1,188,575,246	1,589,713,952	2,444,880,306
12	Kabupaten Kota Langsa	546,002,925	379,092,511	855,803,005	1,453,706,967

(bersambung)

Jadual 1: (sambungan)

No.	Baitulmal	2006 (Rp)	2007 (Rp)	2008 (Rp)	2009 (Rp)
13	Kabupaten Sabang	752,409,861	1,171,060,070	1,885,379,977	2,603,238,064
14	Kabupaten Aceh Singkil	768,915,405	880,264,871	1,145,000,000	1,553,500,000
15	Kabupaten Aceh Barat Daya	698,517,912	1,157,381,816	1,420,386,911	1,766,413,178
16	Kabupaten Aceh Timur	429,354,969	551,583,942	923,669,849	1,237,071,975
17	Kabupaten Aceh Jaya	278,000,000	553,755,638	798,006,818	1,057,634,064
18	Kabupaten Aceh Tenggara	111,628,202	244,270,794	1,431,236,508	1,429,401,806
19	Kota Lhokseumawe	0	352,730,575	1,742,460,228	2,653,121,313
20	Kabupaten Simeulue	287,597,478	480,000,000	1,270,000,000	800,000,000
21	Kabupaten Gayo Lues	442,364,246	726,694,409	834,510,100	989,093,293
22	Kabupaten Aceh Tamiang	0	0	275,213,226	1,433,808,038
23	Kabupaten Kota Subulussalam	0	0	140,341,140	804,870,369
24	Kabupaten Pidie Jaya	0	0	0	385,940,159
Jumlah		23,235,609,867	36,977,310,021	61,449,024,744	78,861,946,644

Sumber: Laporan tahunan baitulmal provinsi dan baitulmal kabupaten/kota Aceh tahun 2006–2009.

Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah penerimaan zakat, *infaq* dan sedekah di 24 kabupaten di seluruh Provinsi Aceh mengalami peningkatan pada setiap tahun daripada Rp23 bilion kepada Rp78 bilion. Pada tahun 2007 terjadi peningkatan sebesar 59.14% daripada tahun sebelumnya, diikuti pada tahun 2008 sebanyak 66.18% dan pada tahun 2009 peningkatan sedikit menurun iaitu sebanyak 28.34% daripada tahun sebelumnya. Berdasarkan jadual ini juga, Badan Baitulmal di Kabupaten Aceh menjadi kabupaten yang terbanyak dalam kutipan zakat antara tahun 2007 sehingga tahun 2009. Keadaan ini disebabkan keluasan wilayah, ramainya penduduk dan pengurusan yang cekap. Hasilnya, Baitulmal Kabupaten Aceh selalu terpilih menjadi baitulmal terbaik dalam pengurusan zakat di Nanggroe Aceh Darussalam.<sup>63</sup> Manakala Pidie Jaya merupakan kabupaten yang paling sedikit penerimaan hasilan zakat. Hal ini disebabkan Kabupaten Pidie Jaya baru dibentuk dan badan baitulmal hanya ditubuhkan pada tahun 2009. Begitu juga yang berlaku di kabupaten Kota Lhokseumawe, Aceh Tamiang dan Kota Subulussalam yang lewat ditubuhkan badan baitulmal.<sup>64</sup>

Perbezaan pandangan dalam kalangan ulama di beberapa wilayah di Aceh telah menyebabkan kadar pungutan zakat yang rendah berlaku seperti direkod di Baitulmal Kabupaten Pidie dan Kota Langsa. Keadaan ini berlaku berikutan

perbezaan dalam penentuan harta-harta yang wajib dikenakan zakat. Misalnya sebahagian ulama di provinsi tersebut menyatakan bahawa zakat pendapatan tidak wajib, kerana mendakwa tidak ada nas yang jelas daripada al-Quran dan hadis. Namun, fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI)<sup>65</sup> bagi Provinsi Aceh tahun 1978 telah menetapkan bahawa zakat pendapatan adalah suatu kewajiban berdasarkan ayat 267 Surah al-Baqarah.<sup>66</sup> Malah Instruksi Gubernur NAD No. 06/INSTR/2008 ada dikeluarkan berhubung hukum kewajipan zakat pendapatan dalam kalangan para pegawai di provinsi ini. Menurut Qanun Baitulmal 2007,<sup>67</sup> zakat pendapatan wajib dibayar sebanyak 2.5% setiap bulan apabila pendapatan bulanan adalah 1/12 daripada nilai 94 gram emas (bernilai 7.84 gram emas sebulan) yang bersamaan dengan pendapatan bulanan Rp3 juta.

Bagaimanapun kekeliruan dan perbezaan tanggapan ini berpunca daripada kebebasan pandangan dalam bermazhab di Indonesia dan kedudukan fatwa MUI yang tidak mengikat (*not binding*) umat Islam Indonesia melainkan sebagai rujukan dan panduan sahaja.<sup>68</sup> Justeru, golongan pembayar zakat pendapatan kebanyakannya hanya dalam kalangan kakitangan jabatan tertentu seperti Pegawai Negeri Sipil (PNS) tingkat provinsi, Bank Pembangunan Daerah (BPD) Aceh, Kantor Wilayah Departemen Agama, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry, Palang Merah Indonesia (PMI) Aceh, Mahkamah Syariah dan pengusaha serta pemegang kontrak pekerjaan daripada Pemerintah Daerah Aceh. Manakala kira-kira 54 instansi dan Badan Usaha Milik Negara (BUMN) yang beroperasi di Nanggroe Aceh masih belum membayar zakat.<sup>69</sup> Berdasarkan data terbaru tahun 2010, jumlah zakat gaji PNS dan karyawan swasta yang berjaya dipungut adalah sekitar Rp11,6 milyar sahaja iaitu kira-kira separuh daripada potensi sebenar yang sepatutnya dicapai.<sup>70</sup> Justeru, usaha dakwah dan galakan kesedaran perlu diperluaskan lagi dalam kalangan warga pekerja di Nanggroe Aceh Darussalam. Setelah terbentuknya Baitulmal Gampong mulai tahun 2009, data berhubung penerimaan zakat daripada hasil padi dan fitrah berdasarkan kabupaten/kota masing-masing telah dimasukkan sebagaimana dalam Jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2, jumlah penerimaan zakat padi yang terbanyak adalah di Baitulmal Kabupaten Aceh Utara iaitu sebanyak Rp10,432,152,000. Hal ini disebabkan jumlah kampung terbanyak atau penduduk terpadat yang terdapat di sini dan bidang pertanian menjadi aktiviti yang utama. Manakala penerimaan zakat padi yang paling sedikit pula direkodkan di Baitulmal Kabupaten Nagan Raya iaitu sebanyak Rp12,452,400. Hal ini disebabkan jumlah sawahnya yang sedikit dan daerahnya berbukit-bukau. Sementara Baitulmal Kabupaten Kota Banda Aceh dan Baitulmal Kabupaten Kota Sabang tiada hasil zakat pertanian disebabkan Kota Banda Aceh adalah merupakan ibukota dan terletak di pusat bandar. Manakala Kabupaten Kota Sabang pula terletak di sebuah pulau yang bernama Pulau Weh yang hampir tidak mempunyai sawah.

Jadual 2: Penerimaan zakat padi dan fitrah Baitulmal Gampong tahun 2009

No	Kabupaten/Kota	Jenis Penerimaan			Jumlah (Rp) (4+5)
		Jumlah Gampong/ Desa	Zakat Padi / Tanaman (Rp) (4)	Zakat Fitrah (Rp) (5)	
1	Aceh Utara	852	10,432,152,000	5,052,024,000	15,484,176,000
2	Aceh Besar	604	6,450,000,000	6,030,630,000	12,480,630,000
3	Aceh Tengah	295	361,350,000	2,787,870,000	3,149,220,000
4	Banda Aceh	90	0	1,848,000,000	1,848,000,000
5	Nagan Raya	222	12,452,400	1,625,400,000	1,637,852,400
6	Aceh Barat	321	1,590,120,000	2,274,625,000	3,864,745,000
7	Aceh Selatan	248	1,417,801,860	2,018,064,000	3,435,865,860
8	Pidie	730	6,296,572,800	3,104,272,800	9,400,845,600
9	Bireun	606	5,266,566,000	2,894,688,000	8,161,254,000
10	Bener Meriah	242	12,600,000	892,800,000	905,400,000
11	Langsa	51	44,631,000	1,431,520,000	1,476,151,000
12	Sabang	18	0	190,000,000	190,000,000
13	Singkil	127	561,000,000	1,200,000,000	1,761,000,000
14	ABDYA	132	308,931,000	933,660,000	1,242,591,000
15	Aceh Timur	511	11,652,990	2,897,496,000	2,909,148,990
16	Aceh Jaya	172	381,150,000	7,623,000,000	8,004,150,000
17	Aceh Tenggara	164	467,760,000	1,150,200,000	1,617,960,000
18	Lhokseumawe	68	425,000,000	2,143,116,000	2,568,116,000
15	Simeulue	135	325,150,000	1,250,000,000	1,575,150,000
19	Gayo Lues	97	425,000,000	1,200,000,000	1,625,000,000
21	Aceh Tamiang	212	2,610,304,500	2,168,328,000	4,778,632,500
22	Subulussalam	74	1,322,000,000	475,620,000	1,797,620,000
23	Pidie Jaya	222	770,000,000	2,700,000,000	3,470,000,000
Jumlah		6,193	39,492,194,550	53,891,313,800	93,383,508,350

Sumber: Laporan baitulmal kabupaten/kota tahun 2009.

Sementara itu, kutipan zakat fitrah yang terbanyak adalah di Baitulmal Kabupaten Aceh Jaya iaitu sebanyak Rp7,623,000,000. Hal ini disebabkan penduduk Islam yang ramai dan keadaan ini selaras dengan zakat fitrah yang dikenakan mengikut bilangan umat Islam secara per-kepala. Manakala jumlah kutipan zakat fitrah yang paling sedikit adalah di Baitulmal Kabupaten Kota Sabang iaitu hanya sebesar Rp190,000,000, disebabkan jumlah penduduknya yang sedikit iaitu sekitar 26,505 orang sahaja.

Dalam gambaran besar, keseluruhan kutipan bagi zakat padi dan fitrah adalah di Baitulmal Kabupaten Aceh Utara iaitu sebanyak Rp15,484,176,000. Sementara

kutipan yang terkecil adalah di Baitulmal Kabupaten Kota Sabang iaitu hanya sebesar Rp190,000,000. Jumlah keseluruhan perolehan hasil zakat di Provinsi Aceh pada tahun 2009 jika berdasarkan Jadual 1 dan 2, Baitulmal Aceh telah mencatatkan kutipan terbesar iaitu Rp172,245,454,994 iaitu berbeza sebanyak 180.31% daripada kutipan tahun 2008. Pencapaian yang tinggi ini menyebabkan Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) menganugerahkan Baitulmal Aceh sebagai pemenang anugerah zakat peringkat provinsi di bawah kriteria kelembagaan zakat terbaik pada tahun 2009.<sup>71</sup> Pada Ogos 2009 juga, Baitulmal Aceh telah meraih penghargaan sebagai *The best* BAZDA peringkat provinsi daripada *Karim Business Consulting*, sebuah lembaga pengkajian ekonomi syariah yang mempunyai reputasi antarabangsa. Kemudian pada 26 Mac 2010 Baitulmal Aceh kembali meraih sanjungan sebagai *The best of organization* yang diumumkan BAZNAS pada pemilihan Indonesia Zakat Award 2010.<sup>72</sup> Seterusnya pada 6 Ogos 2010, Baitulmal Aceh kembali menerima penghargaan dengan anugerah dalam *Islamic Social Responsibility Award 2010* sebagai BAZDA provinsi terbaik di peringkat nasional. Selain itu, penghargaan juga diberikan kepada Baitulmal Kota Banda Aceh sebagai BAZDA kabupaten/kota terbaik bagi peringkat nasional. Jelasnya, Baitulmal Aceh telah menerima empat *award* berturut-turut sejak tahun 2009.<sup>73</sup> Semua kemajuan yang dicapai ini adalah hasil daripada pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang pentadbiran zakat yang baik, di samping mendapat sokongan para pemerintah dan masyarakat Islam yang menjadi majoriti di provinsi ini.<sup>74</sup>

## UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT DI NEGERI KEDAH

Peruntukan undang-undang mengenai pentadbiran zakat di Kedah didapati telah wujud lebih awal daripada perkembangan di Nanggroe Aceh. Bukti mengenai sejarah pentadbiran undang-undang zakat di Kedah ada tercatat dalam peruntukan Fasal 3, Undang-undang Tembera Dato Seri Paduka Tuan 1078 S.H. (1667 A.D.), iaitu Undang-undang Kedah pada masa itu yang memperuntukkan bahawa:<sup>75</sup>

Barang siapa berbuat bendang atau huma, maka hendaklah kerasi suroh keluarkan zakat; seperti benar hisab-nya yang di-peroleh-nya itu, suroh keluarkan sa-puluh emas zakat-nya itu. Apa-bila tiada mahu mereka itu seperti hisab itu, maka hendak-lah kweng kerasi keluar zakat itu, menurut seperti hukum Allah Taala.

Pada hari ini di Malaysia, umumnya hanya terdapat dua negeri sahaja yang telah mengkodifikasikan statut zakat secara khusus, iaitu Negeri Kedah dan Negeri Sabah. Kedah memperkenalkan Enakmen Zakat Kedah No. 4 Tahun 1374 H (1955 M), manakala Sabah telah menggubal Enakmen Zakat dan Fitrah Tahun

1993.<sup>76</sup> Bagaimanapun, negeri-negeri lain juga pernah menggubal undang-undang yang mengawal kutipan zakat dan fitrah melalui Majlis Agama Islam Negeri masing-masing seperti Terengganu pada tahun 1905, Kelantan pada tahun 1907,<sup>77</sup> Perlis pada tahun 1930 dan Kedah pada tahun 1936 namun semuanya telah dimansuhkan. Sehingga kini, hanya Enakmen Zakat Kedah sahaja yang berkuatkuasa, manakala Enakmen Zakat dan Fitrah Sabah belum lagi dikuatkuasakan<sup>78</sup> sekalipun telah diwartakan pada 1 Januari 1996.<sup>79</sup> Senario ini menjadikan Negeri Kedah sahaja di Malaysia yang mempunyai Enakmen khusus berhubung zakat yang sedang berkuatkuasa. Enakmen Zakat Kedah 1955 ini kemudiannya telah diganti oleh Peraturan Zakat Kedah 1982 (KPU 11).

Menurut sejarah, undang-undang zakat di negeri Kedah mula digubal dan dikuatkuasa setelah berlakunya kemungkiran sebahagian petani daripada membayar zakat kepada pemerintah. Sebahagian tidak membayar zakat dan sebahagian yang lain membayar zakat bukan kepada amil yang dilantik oleh kerajaan. Padahal, kutipan dan agihan zakat adalah menjadi tanggungjawab pemerintah berdasarkan hukum syarak.<sup>80</sup> Justeru Pengerusi Majmuk Ulama Kedah, Tuan Sheikh Wan Sulaiman b. Wan Sidek (1874–1935)<sup>81</sup> yang bertugas pada tahun 1904 telah menghadap Ke bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYM) Pemangku Raja, Tuanku Mahmud (1907–1914).<sup>82</sup> Justeru, tindakan telah diambil oleh pemerintah untuk menyedarkan rakyat dengan mengeluarkan notis bagi memberi maklum mengenai pembayaran zakat, iaitu *I'lan An-Nasihah min Khusus al-Zakah*. (

). Kesannya, sebuah institusi khusus telah dicadangkan bagi maksud mengumpul dan mengagihkan zakat kepada *asnaf* yang terlibat. Bagi maksud ini juga, satu rang undang-undang berhubung dengan penubuhan Jabatan Zakat Negeri Kedah dan cara-cara kutipan dan agihan telah mula digubal. Tiga ulama telah dipertanggungjawab untuk menggubal rang undang-undang tersebut,<sup>83</sup> iaitu Haji Ismail bin Haji Salleh, Haji Yaakub bin Haji Ahmad dan Haji Abdul Ghani bin Hamzah As-Syaiburi.

Sembilan belas tahun setelah notis maklumat di atas dikeluarkan, Enakmen Zakat Kedah No. 4 Tahun 1374H (1955M) yang mempunyai mempunyai sembilan seksyen telah diwartakan. Enakmen ini mengandungi peruntukan mengenai Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah,<sup>84</sup> iaitu berhubung kaedah-kaedah penubuhan,<sup>85</sup> tanggungjawab dan bidang kuasa Jawatankuasa tersebut.<sup>86</sup> Jabatan Zakat Negeri Kedah telah ditubuhkan berdasarkan Enakmen Kedah No. 4 Tahun 1374H ini dan ia merupakan satu institusi yang berasingan daripada Majlis Agama Islam Kedah.<sup>87</sup> Keberasingan ini membentuk kelainan antara pentadbiran undang-undang zakat di Kedah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Jabatan Zakat Negeri Kedah ini bukan sahaja berperanan sebagai pentadbir, malah sebagai pemegang amanah bagi mengurus kutipan dan agihan daripada pembayar dan kepada *asnaf* yang telah ditentukan syarak. Bagi maksud ini, sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah Darul

Aman telah dilantik yang bertanggungjawab dalam urusan kutipan dan agihan kepada asnaf yang berhak.<sup>88</sup> Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan mempunyai seramai 20 orang ahli yang dilantik,<sup>89</sup> dan bertanggungjawab mentadbir 11 buah pejabat cawangannya di seluruh Negeri Kedah. Dalam hal ini, pejabat zakat berkuasa membuat peraturan dan menentukan kadar zakat yang akan dipungut pada setiap tahun dan bukannya baitulmal.<sup>90</sup> Bagaimanapun, tiada peruntukan khusus dalam enakmen ini yang menjelaskan mengenai jenis-jenis zakat, kadar, nisab dan *mustahiq* yang berhak.<sup>91</sup>

Berdasarkan peraturan di bawah Enakmen ini, kes-kes keenggaran membayar zakat dibawa ke muka pengadilan. Bagaimanapun mengikut rekod, hanya kes-kes pada tahun 1965–1966 sahaja yang didakwa dan tiada rekod menunjukkan kes-kes sebelum tahun 1965 dihadapkan ke mahkamah dan begitu juga selepas tahun 1966.<sup>92</sup> Keadaan ini menunjukkan kelemahan aspek penguatkuasaan undang-undang dalam aspek pentadbiran zakat secara keseluruhannya. Di antara kes yang pernah didakwa ialah kes *Merinyu Zakat Kedah (Hj. Abdullah b. Muhammed) v. Bidun bin Shariff (1965)*<sup>93</sup> yang dibicarakan di hadapan Mahkamah Majistret Sungai Petani. Bidun telah didakwa berdasarkan mengikut Seksyen 15(1)(e), Peraturan-Peraturan Zakat Kedah 1962 dan telah disabitkan di bawah Seksyen 15(1)(a) Peraturan-Peraturan Zakat Kedah 1962 iaitu atas kesalahan enggan membayar zakat yang ditaksirkan ke atasnya dengan denda \$20.00 atau penjara selama 5 hari di samping perlu menjelaskan zakat tertunggak sebanyak 128 gantang atau nilainya \$64.00 dalam masa 7 hari.

Berdasarkan jumlah kutipan, perolehan wang zakat didapati semakin berkembang di negeri Kedah dan menurut rekod kutipan antara tahun 2006 sehingga tahun 2009 adalah seperti paparan dalam Jadual 3.

Merujuk pada Jadual 3, hasil kutipan wang zakat yang telah dipungut di negeri Kedah adalah berpunca daripada banyak sumber. Di antara sumber-sumber ini, perolehan daripada sumber zakat pendapatan adalah merupakan sumber yang mencatat angka tertinggi. Kesedaran yang tinggi dalam kalangan umat Islam di Kedah telah menyumbang kepada perolehan zakat pendapatan kira-kira 48% daripada nisbah kutipan harta-harta zakat lain yang dikumpul. Daripada segi sejarahnya, negeri Kedah telah mewartakan kewajipan zakat pendapatan ini melalui Warta Kerajaan bertarikh 10 April 1986.<sup>95</sup> Di peringkat nasional, kewajipan ini hanya diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia pada tahun 1997.



Jadual 3: Jumlah kutipan Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman tahun 2006–2009<sup>94</sup>

No	Jenis Perolehan	Kutipan			
		2006	2007	2008	2009
1	Pendapatan	16,191,979.45	17,973,301.11	26,392,884.72	39,190,809.50
2	Wang simpanan	2,877,811.20	3,280,146.68	3,979,884.72	4,901,313.81
3	Perniagaan	13,571,298.19	11,276,500.60	16,169,781.38	14,176,138.09
4	Emas dan perak	82,385.012	99,145.07	155,023.02	227,719.08
5	Saham	38,470.90	43,170.40	62,579.72	112,477.15
6	Ternakan	12,631.00	17,076.50	10,929.00	22,177.00
7	Padi	1,744,606.95	2,056,718.69	2,667,500.29	3,774,885.79
8	Qada' zakat	2,557.10	15,942.60	11,587.75	35,833.57
9	Lain-lain	3,699,888.14	3,332,688.77	3,918,281.96	3,078,951.75
10	KWSP	174,550.53	202,672.24	394,346.11	539,337.52
11	Galian	–	121.00	1,374.00	512.67
12	Zakat fitrah	495,170.00	1,727,935.00	3,747,065.00	4,737,606.00
13	Fidyah	0.00	0.00	0.00	105,355.20
	Jumlah	38,891,349.58	40,025,418.66	57,510,673.24	70,903,117.13

Sumber: Laporan zakat 2006 sehingga 2009 Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman.

Perolehan harta zakat yang diperolehi daripada banyak sumber menunjukkan kemajuan negeri dan rakyat di negeri Kedah sehingga merangkumi wang simpanan, perniagaan, saham, KWSP dan lain-lain. Maka tidak hairanlah jumlah kutipan zakat antara tahun 2006 sehingga 2009 pada keseluruhannya adalah tinggi dan memperlihatkan berlakunya peningkatan pada setiap tahun yang keseluruhannya berjumlah 69.88%. Pada tahun 2007, kenaikan kutipan adalah sebanyak 2.91% daripada tahun sebelumnya. Ini diikuti peningkatan sebanyak 43.68% pada tahun 2008. Peningkatan ini bagaimanapun menurun sedikit pada tahun 2009 dengan hanya 23.29% daripada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, ia adalah lapan kali ganda banyak daripada jumlah peningkatan pada tahun 2007. Peningkatan ini juga menunjukkan keyakinan masyarakat kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah, di samping menggambarkan daya kekuatan ekonomi umat Islam pada waktu tersebut yang semakin baik. Namun, berlakunya penurunan jumlah kutipan zakat terutama pada bentuk zakat perniagaan pada tahun 2007 dan 2009 berikutan kemelesetan ekonomi pada tahun 2007.<sup>96</sup> Jadual 3 juga menunjukkan pada tahun 2009, kutipan zakat fidyah baru diterima dan direkodkan oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah.<sup>97</sup>

Selain aspek kutipan, Jabatan Zakat Negeri Kedah juga merekodkan bilangan pembayar zakat yang secara relatifnya mencatatkan peningkatan. Statistik pembayar zakat antara tahun 2006 sehingga 2009 dapat dilihat dalam Jadual 4.

Jadual 4: Bilangan pembayar di Jabatan Zakat Negeri Kedah tahun 2006–2009<sup>98</sup>

No	Jenis perolehan	Bilangan pembayar			
		2006	2007	2008	2009
1	Pendapatan	17,239	21,482	39,090	66,362
2	Wang simpanan	2,875	3,312	4,073	5,617
3	Perniagaan	803	1,037	1,302	1,508
4	Emas	225	303	436	508
5	Saham	49	63	74	94
6	Ternakan	15	13	44	78
7	Padi	1,065	1,960	2,830	3,404
8	Qada' zakat	16	40	95	301
9	Lain-lain	348	1,860	2,086	13,908
10	KWSP	185	267	453	564
11	Galian	–	2	9	7
12	Zakat fitrah	99,034	345,587	535,292	676,804
	Jumlah	121,855	375,657	585,322	769,157

Sumber: Laporan zakat 2006 sehingga 2009 Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman.

Merujuk pada Jadual 4, mulai tahun 2006 jumlah bilangan pembayar zakat adalah seramai 121,855 orang. Kemudian berlaku kenaikan sebanyak 208.28% pada tahun 2007 menjadi 375,657 orang. Pada tahun 2008, bilangan pembayar zakat meningkat lagi sebanyak 55.81% tetapi pada tahun 2009 peratusannya menurun sedikit sebanyak 31.44%. Keseluruhan pembayar zakat di negeri Kedah antara tahun 2006 sehingga tahun 2009 adalah berjumlah 1,851,991 orang. Jumlah ini menunjukkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan umat Islam di negeri Kedah berhubung tanggungjawab berzakat.

Bagaimanapun penurunan bilangan pembayar zakat direkodkan pada zakat ternakan pada tahun 2007 berikutan sesetengah *muzakki* didapati memberikan langsung zakatnya kepada *mustahiq* dengan tidak melalui Jabatan Zakat Negeri Kedah.<sup>99</sup> Tindakan ini sebenarnya adalah merupakan kesalahan di bawah enakmen berdasarkan peruntukan mengenai keengganan membayar zakat kepada pihak pemerintah. Selain kesalahan ini, kesalahan berkaitan yang turut diperuntukkan ialah penerimaan zakat daripada orang lain sedangkan beliau bukan amil, keengganan memberi maklumat sebenar kepada amil dan kesalahan amil kerana tidak melaksanakan tugas dengan betul.<sup>100</sup>

## **PERBANDINGAN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ZAKAT DI ACEH DAN KEDAH**

Berdasarkan perbincangan di atas, sekalipun jumlah penduduk Islam di Kedah adalah kurang sedikit daripada di Aceh,<sup>101</sup> namun negeri ini mencatat jumlah kutipan zakat yang lebih tinggi. Padahal Kedah bukanlah sebuah negeri yang maju khususnya dalam bidang perniagaan, malah negeri Kedah lebih tertumpu kepada bidang pertanian. Jelasnya dalam banyak aspek, negeri Kedah hampir sama dengan Nanggroe Aceh Darussalam yang majoriti penduduknya adalah Melayu Islam dan menjadikan pertanian sebagai salah satu sumber ekonomi yang utama.<sup>102</sup> Namun kajian mendapati bahawa antara perbezaan yang ketara yang membawa kepada perbezaan implikasi di atas adalah latar belakang sejarah, faktor ekonomi, pengurusan pentadbiran dan peranan undang-undang yang berkuat kuasa.

Walaupun daripada segi sejarah, Nanggroe Aceh lebih awal daripada Kedah dalam mengecapi kemerdekaan, namun wilayah ini menghadapi pelbagai konflik dalaman rentetan daripada zaman penjajahan (1824–1945), kemerdekaan Indonesia (1945), Gerakan Aceh Merdeka (1976–2005) dan bencana alam (2004). Justeru, faktor-faktor ini menyaksikan pertumbuhan ekonomi Aceh yang lebih perlahan akibat ketidakstabilan politik yang berlaku. Situasi ini juga mempengaruhi kekuatan pentadbiran di Aceh kerana tumpuan diberikan kepada ketenteraman politik dan kebajikan masyarakat berbanding aspek-aspek lain. Maka tidak hairanlah apabila didapati Badan Baitulmal Aceh hanya mula beroperasi pada Januari 2004. Sementara baitulmal di peringkat kabupaten/kota di seluruh provinsi Aceh pula hanya beroperasi dua tahun kemudian. Terdapat juga baitulmal kabupaten/kota yang lewat ditubuhkan seperti Baitulmal Sabang dan Tamiang pada tahun 2008. Manakala di Kabupaten Pidie Jaya dan Kota Sabulussalam, sehingga Januari 2009 organisasi baitulmal masih belum wujud. Begitu juga dalam kaedah pengurusan kakitangan, Baitulmal Aceh masih mempunyai pegawai zakat yang hanya bekerja separuh masa.<sup>103</sup> Keadaan ini berbeza di Jabatan Zakat Negeri Kedah, apabila semua pegawainya adalah pekerja sepenuh masa.<sup>104</sup> Maka tidak hairanlah, pengurusan pentadbiran zakat di Jabatan Zakat Negeri Kedah lebih tersusun dalam meningkatkan hasil kutipan zakat berbanding dengan Badan Baitulmal Aceh.

Daripada sudut pentadbiran pula, institusi pentadbiran undang-undang zakat di Aceh dan Kedah juga mempunyai perbezaan. Nanggroe Aceh mempunyai institusi pengurusan zakat yang lebih umum yang dikenali sebagai Badan Baitulmal.<sup>105</sup> Sementara negeri Kedah mempunyai jabatan yang lebih khusus iaitu Jabatan Zakat Negeri Kedah.<sup>106</sup> Berdasarkan perbezaan pengenalan ini, Badan Baitulmal Aceh<sup>107</sup> tentu sekali mempunyai bidang kerja yang lebih luas dalam menguruskan harta-harta umat Islam iaitu bukan sahaja harta zakat malah

meliputi harta wakaf dan derma.<sup>108</sup> Manakala Jabatan Zakat Negeri Kedah hanya mengkhusus pada pentadbiran harta zakat sahaja dan ia merupakan satu-satunya institusi yang unik di Malaysia. Justeru, keadaan ini memberi kelebihan kepada pengurusan zakat di Kedah untuk lebih terfokus dalam mentadbirkan hal ehwal zakat. Di samping itu, pengurusan zakat dapat melaksanakan tugas mereka dalam medium kerja yang kecil sehingga kualiti kerja dapat disasar dengan lebih baik.<sup>109</sup>

Tumpuan ini menjadikan khidmat dan prasarana dapat disediakan dengan lebih baik dalam menarik para pembayar zakat. Kewujudan Bahagian Dakwah dan Kutipan di Jabatan Zakat Negeri Kedah berbanding di Nanggroe Aceh, dapat memberikan pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat melalui pengedaran risalah-risalah dan maklumat terkini mengenai pengurusan zakat.<sup>110</sup> Walaupun di Nanggroe Aceh mempunyai Bahagian Perencanaan Program, namun pertindihan beban kerja yang turut menguruskan hal ehwal lain seperti menyusun program pendidikan dan latihan, serta melakukan penyelidikan ilmiah telah merencatkan usaha berterusan dalam pengelolaan zakat. Terdapat juga program di Jabatan Zakat Negeri Kedah untuk meningkatkan kualiti penerima zakat (*mustahiq*) seperti mendedahkan program-program jayadiri di mana modal usaha dilaburkan kepada para *mustahiq* yang dipantau oleh pegawai agihan. Kejayaan usaha ini dapat dijadikan pemangkin untuk menggalakkan lagi pungutan zakat daripada masyarakat, iaitu mengatasi faktor kepercayaan pembayar zakat (*muzakki*) terhadap organisasi pengelola.<sup>111</sup>

Penggubalan undang-undang zakat di Negeri Kedah yang berlaku pada tahun 1955 adalah merupakan 49 tahun lebih awal berbanding di Aceh yang hanya mengambil tempat pada tahun 2004. Berbanding negara Indonesia sendiri, Enakmen Zakat Negeri Kedah lebih awal 44 tahun daripada undang-undang pengelolaan zakat nasional Indonesia yang hanya digubal pada tahun 1999 melalui Undang-undang No. 38 Tahun 1999. Sebagaimana pandangan Timur Kuran,<sup>112</sup> kejayaan sesuatu tindakan tidak bergantung semata-mata pada norma yang telah terbentuk, tetapi juga dipengaruhi oleh adanya undang-undang dan peraturan yang bersifat memaksa.<sup>113</sup> Dalam hal ini, kewujudan awal sesebuah undang-undang adalah penting untuk memberi impak dalam penguatkuasaan undang-undang sebagai sebuah perundangan yang efektif. Hasilnya antara tahun 1965 sehingga 1966, sebanyak 36 kes telah dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan yang berkaitan dengan zakat di Kedah.

Catatan kutipan zakat yang tinggi di Jabatan Zakat Negeri Kedah juga adalah berpunca daripada langkah kerajaan Malaysia yang memberikan rebat atau pelepasan daripada bebanan cukai pendapatan.<sup>114</sup> Pelepasan 100% ini mula diberikan ke atas zakat individu pada tahun 1978.<sup>115</sup> Bagaimanapun di Nanggroe Aceh mahupun di Indonesia, tiada langkah pelepasan atau rebat cukai diberikan kepada pembayar zakat. Dirjen Pajak Indonesia pernah menyatakan bahawa

tindakan sedemikian sukar dilaksanakan kerana bertentangan dengan Undang-undang Pajak Penghasilan yang sedang berkuatkuasa. Malah pihak Dirjen Pajak Indonesia menyatakan bahawa cukai adalah tanggungjawab antara sesama manusia, manakala zakat adalah tanggungjawab pada agama yang tidak seharusnya disamakan sehingga melayakkan rebat.<sup>116</sup> Situasi ini merencatkan sedikit kepatuhan masyarakat Islam dalam menunaikan tanggungjawab zakat kerana mereka terpaksa membayar lebih kepada pihak pemerintah jika dikeluarkan zakat. Bagi melihat perbandingan jumlah kutipan zakat antara Baitulmal Nanggroe Aceh Darussalam dan Jabatan Zakat Negeri Kedah adalah seperti Jadual 5.

Jadual 5: Kutipan zakat di Baitulmal Nanggroe Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah

No	Tahun	Aceh (Rp=RM)	Kedah (RM)	Perbezaan kutipan	Peratusan perbandingan
1	2006	Rp23,235,609,867 RM8,298,432.09	RM38,891,349.58	RM30,592,917.49	79%
2	2007	Rp36,977,310,021 RM13,206,182.15	RM40,025,418.66	RM26,819,236.51	67%
3	2008	Rp61,449,024,744 RM21,946,080.26	RM57,510,673.24	RM35,564,592.98	62%
4	2009	Rp172,245,454,994 RM61,516,233.89	RM70,903,117.13	RM9,386,883.24	13%

*Nota:* RM1 = Rp 2,800

Berdasarkan Jadual 5, begitu jelas bahawa kutipan tahunan antara Baitulmal Nanggroe Aceh Darussalam dengan Jabatan Zakat Negeri Kedah adalah begitu berbeza. Misalnya pada tahun 2006, perbezaan yang terjadi sangat ketara iaitu mencapai 79%. Perbezaan dalam peratusan yang besar ini berikutan keadaan masyarakat Aceh yang pada masa itu masih belum stabil selepas mengalami bencana alam pada tahun 2004. Kemudian pada tahun 2007 perbezaan menurun sebanyak 12% dan pada tahun 2008 mencatat 17%. Prestasi ini menunjukkan keadaan yang baik daripada segi ekonomi berikutan keadaan masyarakat Aceh yang semakin pulih daripada kesan bencana alam sebelumnya. Tambahan pula, kesan penguatkuasaan Undang-undang Pengelolaan Zakat dan pengubalan Qanun Baitulmal Aceh No.10 Tahun 2007 telah membantu menyusun strategi dan hal-ehwal pentadbiran zakat di Aceh. Keadaan ini terbukti dengan penubuhan pejabat baitulmal di semua peringkat kabupaten dan kota.

Peningkatan yang baik ini dapat dilihat pada data tahun 2009 yang menunjukkan perbezaan kutipan zakat antara Baitulmal Nanggroe Aceh Darussalam dan Jabatan Zakat Negeri Kedah iaitu hanya 13%, berbanding 79% pada tahun 2006. Umumnya, sumber zakat di Nanggroe Aceh berpunca daripada tiga sumber

sahaja iaitu zakat fitrah, zakat harta dan zakat pendapatan. Manakala sumber zakat harta pula berpunca daripada pelbagai jenis harta iaitu meliputi emas, wang, perdagangan, perusahaan, perindustrian, pertanian, perkebunan, perikanan, penternakan, pertambangan dan rikaz.<sup>117</sup> Bagaimanapun menurut ketentuan Qanun Baitulmal, yang termasuk PAD hanya zakat yang dipungut oleh Baitulmal Nanggroe Aceh dan baitulmal kabupaten/kota. Manakala, kutipan zakat dan zakat fitrah yang dihimpun oleh Baitulmal Gampong tidak dimasukkan sebagai PAD dan keadaan ini mengurangkan potensi perolehan dan pengumpulan zakat di Aceh.

Manfaat yang sama diutamakan antara Baitulmal Nanggroe Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah iaitu memanfaatkan wang zakat untuk mengubah taraf hidup khususnya golongan fakir dan miskin. Kaedah ini dinamakan 'pemberdayaan harta zakat secara produktif' di mana wang zakat diagih kepada *mustahiq* dalam bentuk modal untuk memulakan perniagaan bagi mengubah kaedah pencarian rezeki. Pengagihan ini berupa wang tunai atau sumbangan barangan tertentu sebagai modal.<sup>118</sup> Dalam pelaksanaan di Baitulmal Aceh, penerima zakat dikehendaki memulangkan hasil keuntungan secara ansuran bulanan bagi sektor perdagangan dan pada setiap musim tuai bagi sektor pertanian dan perternakan. Zakat yang diberikan sebagai harta modal mesti dikembalikan bagi digunakan semula oleh fakir dan miskin yang lain pula. Program ini dapat mendidik penerima bantuan modal untuk berusaha dan mengeluarkan mereka daripada termasuk dalam golongan *asnaf* zakat selama-lamanya.<sup>119</sup>

## KESIMPULAN

Pada prinsipnya semua pihak bersepakat bahawa zakat mempunyai peranan yang besar khususnya dalam mengeluarkan fakir dan miskin daripada kehidupan yang susah. Pihak yang dikenakan zakat pula bertanggungjawab untuk membantu saudara sesama Islam daripada kekayaan yang mereka miliki. Selaras dengan universalnya syariat Islam ini, bantuan daripada pihak yang 'berada' ke atas pihak yang memerlukan dapat berlaku setiap masa melalui aktiviti berzakat, di samping amalan bersedekah dan menderma.

Dalam konteks pentadbiran undang-undang zakat, negeri Kedah didapati lebih ke hadapan daripada Aceh berikutan konflik yang berlaku di Aceh sama ada akibat kesan penjajahan, ketidakstabilan politik mahupun daripada sudut bencana alam seperti gempa bumi dan tsunami. Undang-undang dan peraturan yang dilaksanakan dalam negara adalah sangat penting sebagai instrumen kawalan dan penguatkuasaan dalam memantau tindak-tanduk anggota masyarakat. Perundangan hukum zakat di negeri Kedah yang lebih awal memberi kelebihan kepada umat Islam di negeri tersebut. Peruntukan undang-undang yang

komprehensif dan penguatkuasaan undang-undang yang kemas dapat meningkatkan persepsi masyarakat terhadap institusi zakat dan seterusnya mempengaruhi gelagat kepatuhan dalam mengeluarkan zakat. Aras kepatuhan akan menjadi semakin baik apabila undang-undang yang dikuatkuasakan dilaksanakan dengan menyeluruh, di samping mengenakan penalti yang cukup berat seperti yang pernah dilaksanakan di Kedah antara tahun 1965 sehingga 1966.

Perbincangan menunjukkan bahawa aspek pengurusan adalah penting dengan sistem kutipan dan agihan yang tersusun, serta tenaga kerja yang mencukupi. Justeru tidak hairanlah, perolehan kutipan zakat di Jabatan Zakat Negeri Kedah antara tahun 2006 hingga 2009 adalah lebih banyak berbanding dengan kutipan Badan Baitulmal Aceh. Di samping itu, insentif yang baik seperti pelepasan atau rebat bagi cukai pendapatan ke atas pengeluar zakat memangkinkan lagi daya kutipan zakat di negeri Kedah khususnya, dan Malaysia amnya. Namun peningkatan yang berlaku dalam kutipan zakat di Aceh akhir-akhir ini menunjukkan peningkatan yang baik dan memberangsangkan. Begitu juga program zakat produktif yang dilaksanakan di Nanggroe Aceh Darussalam dan negeri Kedah akan dapat mempercepatkan pemulihan ekonomi masyarakat Islam. Dalam hal ini, kesedaran menerusi dakwah dan program kemasyarakatan dapat menginsaf anggota masyarakat mengenai peri pentingnya peranan zakat dalam meningkatkan ekonomi umat Islam. Jelasnya, tujuan utama sistem zakat ialah untuk menolong umat Islam yang lain dengan menjadikan harta zakat sebagai salah satu elemen dalam membentuk kehidupan masyarakat yang progresif dan produktif.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Skim Penyelidikan Siswazah Universiti Penyelidikan, USM-RU PRGS (1001/PHUMANITI/843104), Universiti Sains Malaysia.

## **NOTA**

1. Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakāh* (Beirut: Muassasah ar-Risalah, 1985), 586.
2. Sofyan Eko Putra, "Optimalisasi ZIS dan Penghapusan Pajak (Cukai): Sebagai Upaya Peningkatan Kemandirian Ekonomi Masyarakat Miskin di Era Autonomi Daerah," *Jurnal Pembangunan* 8, no. 1, (2007): 96–111; Nuruddin Mhd. Ali, *Zakat Sebagai Instrumen dalam Kebijakan Fisikal*, [http://idb2.wikispaces.com/file/view/sm2005\\_Zakat\\_Sebagai\\_Instrumen+dalam+Kebijakan+Fiskal.pdf](http://idb2.wikispaces.com/file/view/sm2005_Zakat_Sebagai_Instrumen+dalam+Kebijakan+Fiskal.pdf). (accessed 26 January 2011).
3. *Republika*, Potensi Zakat di Indonesia Capai Rp100 Triliun, <http://www.republika.co.id/berita/ramadhan/berita-ramadhan/10/08/11/129618-potensi-zakat-di-indonesia-capai-rp-100-triliun> (accessed 27 January 2011). Pada tahun 2010, nilai kutipan ini meningkat

- sebanyak 1.5% atau Rp0.3 triliun sehingga menjadikan perolehan zakat adalah sebanyak Rp1.5 triliun.
4. Abdul Hakim Amir bin Osman, "Potensi Pembayar dan Kutipan Zakat di Malaysia, "Paper presented at Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, Putra World Trade Centre Kuala Lumpur, 22–24 May 2007, [http://zakat.com.my/store/KERTAS\\_KERJA\\_4\\_-\\_EN\\_ABDUL\\_HAKIM.pdf](http://zakat.com.my/store/KERTAS_KERJA_4_-_EN_ABDUL_HAKIM.pdf) (accessed 22 May 2011).
  5. Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan 2010 di Hotel Sri Pacific, Kuala Lumpur pada 5–6 October 2010.
  6. Badan Baitulmal, Laporan Baitulmal Aceh 2008, Aceh: Badan Baitulmal.
  7. Ayat 60 surat al-Taubah (Q9: 60). Lihat juga Yusuf al-Qardawi, *Fiqh al-Awlawiyyat* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 123; Syeikhul Hadi Permono, *Sumber-Sumber Penggalan Zakat* (Jakarta: Pustaka Firdaus, 1999); Zahri Hamat, "Perakaunan Zakat Permiagaan di Malaysia: Satu Kajian Rintis Pendapat Cendekiawan Zakat," PhD diss., Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 2007.
  8. Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakāh* (Beirut: Muassasah ar-Risalah, 1985).
  9. Didin Hafidhuddin, *Zakat dalam Perekonomian Modern*, (Jakarta: Gema Insani Press, 2002); M. Djamal Doa, *Menggagas Pengelolaan Zakat Oleh Negara*, (Jakarta: Nuansa Madani, 2001).
  10. Basyah, Armiadi Musa, "Pentadbiran Zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin," PhD diss., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009; Ahmad Zikri Ahmad Rafai, "Peranan Institusi Zakat sebagai Asnaf Amil: Kajian Terhadap Lembaga Zakat Selangor," Master's diss., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.
  11. Maratua Simanjuntak, "Pengelolaan Zakat di Medan dan Pulau Pinang: Suatu Kajian Perbandingan," PhD diss., Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2006.
  12. Muhammad Abdullah, "Kaedah Penetapan Kadar Zakat Fitrah, Menurut Undang-undang Pentadbiran Islam: Satu Kajian di Negeri Selangor dan Kelantan," Master's diss., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.
  13. Majma' Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasit* (Misr: Dar al-Ma'arif, 1972), j. 1, 396.
  14. Muhammad Abd al-Mun'im Khafaji, *al-Iqtisad al-Islami* (Bayrut: Dār al-Jayl, 1990), 125–129; Monzer Kahf, "The Principle of Socio-Economic Justice in the Contemporary Fiqh of Zakah," *Iqtisad Journal of Islamic Studies* 1, no.1(1999): 24–44.
  15. Hasbi As-Siddiqy, *Pedoman Zakat*, 2nd ed. (Semarang: PT. Pustaka Rizki Putra, 2006), 6–7. Terdapat empat nama lain bagi zakat (al-Baqarah: 110), iaitu: sedekah (al-Tawbah: 60 dan 103), nafkah (al-Tawbah: 34), hak (al-An'am: 14) dan 'Afwu (al-'A'raf 199).
  16. Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Beirut: Dār al-Fikr, 1989), 750; Majma' Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasit*, 396; al-Sarbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj* (Qahirah: al-Halabiyyah, 1958), 268; al-Syawkani, *Fath al-Qadir* (Bayrut: 'Alam al-Kutub, t.t), 170; Yusuf, *Fiqh al-Zakah*, 37–38; Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah* (Kuwayt: Dār al-Bayan, 1968), 40; Hasbi as-Siddiqy, *Pedoman Zakat* (Semarang: PT. Pustaka Rizki Putra, 2006), 3–5; Zakiah Daradjat dkk, *Ilmu Fiqh* (Yogyakarta: Dharma Bakti Wakaf, 1995), 213.
  17. Surah al-Nur: 56 dan al-Baqarah: 43; Sayyid, *Fiqh al-Sunnah*, 5; Yusuf, *Fiqh al-Zakāh*, 44. Sabih, as-Siddiqy, *Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Hukum Islam* (Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 2006), 4–5.
  18. al-Syawkani, *Fath al-Qadir*, 170.
  19. 'Abd al-Rahman al-Jaziri, *Fiqh 'Ala Madhahib al-Arba'ah* (Misr: Maktabah Tijariyyah al-Kubra, t.t), 596; Muhammad bin Sal al-Uthaymin, *Fiqh 'Ibadah* (Riyad: Dar al-Watan, 1995), 191; Sayyid, *Fiqh al-Sunnah*, 27; Abu Bakr al-Jazayri, *Minhaj al-Muslim* (Bayrut: Dar al-Fikr, 1997), 248; Ibn Qudamah, *al-Mughni* (Riyad: Muassasah Sa'idiyyah, t.t), 389.
  20. Surah al-Baqarah: 267.
  21. Yusuf, *Fiqh al-Zakah*, 139.



22. Yusuf, *Fiqh al-Zakah*, 127.
23. Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il, *Sahih Bukhari* (Istanbul-Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah, t.t.), 115.
24. Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Safwah al-Tafasir* (Bayrut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1993), 140; Surah al-Baqarah: 219—Lihat dalam *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (Kuala Lumpur: Darul Fikr, 2001), 84; al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 156.
25. Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy'ath al-Sajastani, *Sunan Abi Dawud* (Misr: Matba'at al-Babi al-Halabi, 1952), 128.
26. al-Qur'an, 9:103.
27. al-Qur'an, 51:19.
28. al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il, *Sahih al-Bukhari, Kitab al-Zakah* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif-al-Kutb al-Sitta* (Riyad: Dar al-Salam, 1999), 109. Riwayat Imam Bukhari dan Muslim.
29. Abd al-Rahman al-Jaziri, *Fiqh 'Ala Madhahib al-Arba'ah* (Misr: Maktabah Tijariyyah al-Kubra, t.t), 596; Muhammad bin Sal al-Uthaymin, *Fiqh 'Ibadah* (Riyad: Dar al-Watan, 1995), 191; Sayyid, *Fiqh al-Sunnah*, 27; Abu Bakr al-Jazayri, *Minhaj al-Muslim* (Bayrut: Dar al-Fikr, 1997), 248; Ibn Qudamah, *al-Mughni* (Riyad: Muassasah Sa'idiyyah, t.t), 389.
30. Yusuf al-Qardawi, *Hukum Zakat Studi Komparatif mengenai Status dan Filsafat Zakat Berdasarkan Qur'an dan Hadis* (Indonesia: PT. Pustaka Litera AntarNusa, 2010), 432, 460.
31. al-Mawardi, Abu al-Hassan 'Ali b. Muhammad, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* (Beirut: Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, 1985), 145; Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, "Kuasa-kuasa dan Kaedah Pentadbiran Zakat di Malaysia," *Jurnal Syariah*, 2, no. 1 (1994): 60
32. Manakala harta batin pula adalah mana-mana harta yang boleh disembunyikan seperti emas dan perak serta perniagaan.
33. Harta zahir ialah mana-mana harta yang tidak boleh disembunyikan (daripada pengetahuan dan penglihatan manusia) seperti tanaman, buah-buahan dan ternakan.
34. al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, 145; Siti Mashitoh Mahamood, "Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan," Paper presented at Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, Putra World Trade Centre Kuala Lumpur, 22–24 May 2007, 8.
35. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional* (Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 2006), 107; Mohammad Hassan bin Dato' Kerani Mohammad Arshad, *al-Tarikh al-Salasilah Negeri Kedah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968), 26–27.
36. Luckman Sinar, "Sumbangan dan Peranan Kedah dalam Pembinaan Tamadun Nusantara," Paper presented at Himpunan Budayawan Malaysia, Anjuran Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1990, 3.
37. A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu I* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1963), 32–34.
38. Yahaya Abu Bakar, "Mentelusuri Beberapa Kesan Islamisasi di Tanah Melayu Menjelang Abad ke XVI Masihi," Paper presented at Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Kali Kedua, 28–30 September 1996, 42.
39. Ismail Hj. Saleh, *Kedatangan Islam di Kedah Serta Penyebaran dan Perkembangannya* (Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2007), 19.
40. Mohamed Mustafa Ishak, Syamsul Anuar Ismail and Rohana Yusof, *Kedah dalam Lipatan Sejarah Koleksi Artikel Dato' Wan Shamsuddin Mohd Yusof* (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2004), 5; R. Bonney, *Kedah 1771-1821 The Search for Security and Independence* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), 15.
41. Lee Kam Hing, "Aceh dan Semenanjung Tanah Melayu dalam Kurun ke 16 dan ke 17," in *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972), 44.
42. Lee Kam Hing, "Aceh dan Semenanjung Tanah Melayu," 44–46.

43. Abdul Majid Hussin, *Orang Aceh di Yan Kedah: Satu Tinjauan Umum* (Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah [Koleksi Kedah], t.t.), 125.
44. Abdul Majid Hussin, "Orang Aceh di Yan, Kedah: Satu Tinjauan Umum," *Malaysia dari Segi Sejarah, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, (1980): 125; Ishak Mohd Rejab, "Haji Husain Mohd Nasir al-Mas'udi al-Banjari," in *Ulama Silam dalam Kenangan*, ed. Ismail Mat (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), 311. Seperti Teungku Arshad (Tengku di Balai), Tuan Haji Musa (Tengku Lam Surau), Syeikh Omar (Tengku Lam U), Engku Bida'ul Hafiz dan Engku Di Bale.
45. Ziauddin Ahmad (Kepala Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh), interview with author, 22 August 2008. Lihat pasal 4, 8, 9, 10 dan 11, U. U. No. 44/99 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh.
46. Amrullah, *Regulasi Zakat (dari Fiqih Klasik menuju Fiqih Negara)*, (Banda Aceh: Baitulmal Aceh, 2008), 24.
47. Pasal 5 ayat (2) butir f, Peraturan Daerah (PERDA) No. 5 Tahun 2000.
48. Pasal 14 ayat (1) dan ayat (2).
49. Keputusan Menteri Agama RI No. 373/2003 tentang Pelaksanaan U.U. No. 38/1999.
50. Armiadi, *Zakat Produktif: Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Umat (Potret dan Praktek Baitulmal Aceh)*, (Darussalam Banda Aceh: Ar-Raniry Press, 2008), 185.
51. *Aceh dalam Angka*, BPS Propinsi Aceh bekerja sama dengan BAPPEDA Propinsi Aceh, (2006): 102.
52. Armiadi, *Zakat Produktif*, 186.
53. *Meusara* adalah tanah yang tidak ada pemiliknya.
54. Amrullah, *Perbandingan Baitulmal di Aceh dan BAZDA diluar Aceh* (Banda Aceh: Publikasi Baitulmal Aceh, 2009), 4. Lihat Pasal 180 ayat (1) huruf (d).
55. Pasal 191 Bab XXIV Bagian Kedua Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 11 Tahun 2006 Tentang Pemerintahan Aceh.
56. Sidang Paripurna DPR 28 Desember 2007 telah menetapkan Qanun Baitulmal sebagai usul inisiatif DPR menjadi Qanun Aceh No. 10/2007 dan disahkan oleh Gabenor Aceh tarikh 17 Januari 2008/8 Muharam 1428 serta diisytiharkan dalam Lembaran Daerah Aceh tahun 2007 No. 10 tarikh 18 Januari 2008.
57. Pasal 62 Bab XIV Qanun Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitulmal.
58. Pasal 2 Bab II Bagian Kesatu Qanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitulmal.
59. Amrullah, *Perbandingan Baitulmal*, 6. Lihat Qanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitulmal Bab I Pasal 1 Angka 27.
60. Amrullah, *Perbandingan Baitulmal*, 6.
61. Amrullah, *Perbandingan Baitulmal*, 6; Muslim Ibrahim, *Baitulmal Sebagai Lembaga Pengelolaan Kekayaan Daerah* (Banda Aceh: Pusat Studi Hukum Islam dan Masyarakat, Fakultas Syari'ah IAIN Ar-Raniry, 2002), 5.
62. Muslim, *Baitulmal Sebagai Lembaga Pengelolaan Kekayaan Daerah*, 5.
63. Kenyataan Sayed Muhammad Hasan, Kepala Bidang Pengumpulan Baitulmal Aceh kepada The Globe Journal, <http://www.theglobejournal.com/kategori/ekonomi/54-instansi-dan-bumn-di-aceh-malas-bayar-zakat.php> (accessed 20 May 2011).
64. M.Yacob Mubin (Kepala Baitulmal Kabupaten Aceh), interview with author, 5 January 2010.
65. Amrullah (Kepala Baitulmal Provinsi Aceh), interview with author, 12 May 2008.
66. Majelis Ulama Indonesia (MUI) Provinsi Daerah Istimewa Aceh, sekarang berganti nama menjadi Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Aceh.
67. Jusma Eri (Kepala Sub Bidang (Kasubbid) Monitoring dan Evaluasi Baitulmal Aceh), interview with author, 30 June 2010.
68. Pasal 19 (1)(g) dan 19 (3), Qanun No. 10 Tahun 2007.
69. Jusma Eri (Kepala Sub Bidang (Kasubbid) Monitoring dan Evaluasi Baitulmal Aceh), interview with autor, 30 June 2010.

70. Jusma, interview with autor. Sumber Baitulmal Aceh melalui serambi, <http://aceh.tribunnews.com/news> yang diterbitkan pada 1 Julai 2011 (accessed 8 July 2011).
71. Kenyataan Sayed Muhammad Hasan, Kepala Bidang Pengumpulan Baitulmal Aceh kepada The Globe Journal, <http://www.theglobejournal.com/kategori/ekonomi/54-instansi-dan-bumn-di-aceh-malas-bayar-zakat.php/> (accessed 20 May 2011).
72. *Majalah Baitulmal Aceh*, V/Mei–Jun (2010): 32; Amrullah, *Perbandingan Baitulmal di Aceh dan BAZDA di Luar Aceh* (Banda Aceh: Baitulmal Aceh, 2009), 1. Penyerahannya dilakukan oleh Menteri Agama di hadapan Presiden Republik Indonesia Susilo Bambang Yudoyono pada 17 Januari 2009 di Jakarta.
73. *Majalah Baitulmal Aceh*, 32.
74. *Majalah Baitulmal Aceh*, V/Ogos–September (2010): 64.
75. Amrullah, interview with author, 22 August 2008.
76. Winstedt, R.O. "Kedah Laws," *JMBRAS*, VI, Pt.II (1928): 28.
77. No. 6 tahun 1993.
78. Notis Zakat Kelantan bertarikh 1907.
79. Mohd Ali Baharum, "Bidangkuasa Pungutan Zakat: Kajian Kepada Enakmen Negeri-negeri di Malaysia Barat," in *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial Undang-undang dan Taksiran* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1989), 4.
80. melalui S.G.N. 644/95.
81. Surah al-Tawbah: ayat 103.
82. Sejarah Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Sempena Perasmian Menara Kedah, Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, 1992, 8.
83. Nama penuh ialah Tuanku Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah yang memerintah pada tahun 1907–1914.
84. Sejarah Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, 11.
85. Hasrul bin Amir, *Sejarah Tertubuhnya Kutipan Zakat oleh Ulil Amri*, (Kedah: Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, t.t.), 2–3.
86. Lihat Seksyen 3 (i, ii, iii), Undang-undang Zakat Tahun 1374 (1955).
87. Seksyen 4, 5, 6, Undang-undang Zakat Tahun 1374 (1955).
88. Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Laporan Zakat, 2006, 4.
89. Laporan Zakat, 2006, 4; Sejarah Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, 31.
90. Laporan Zakat, 2006, 5.
91. Jabatan Audit Negara Malaysia, Laporan Ketua Audit Negara Negeri Kedah, 2004, 105.
92. Hasrul, *Sejarah Tertubuhnya Kutipan Zakat*, 3.
93. Mohd Ali Baharum, "Bidangkuasa Pungutan Zakat: Kajian Kepada Enakmen Negeri-negeri di Malaysia Barat," in *Zakat ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, ed. *Ibidem*, (Kuala Lumpur: ABIM, 1989), 47.
94. Kes No. 303/65.
95. Majlis Agama Islam Kedah, Laporan Zakat 2006, 10; Majlis Agama Islam Kedah, Laporan Zakat 2008, 10; Majlis Agama Islam Kedah, Laporan Zakat 2009, 1.
96. Jilid 29, Bil. 8 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah Tahun 1962 (Bil. 9).
97. Abd Hamid bin Lebai Saad (Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman), interview with author, 25 November 2010.
98. *Ibid.*
99. Laporan Zakat, 2006, 11; Laporan Zakat, 2008, 10; Laporan Zakat, 2009, 2.
100. Abd Hamid, interview with author, 25 November 2010.
101. Siti Mashitoh, "Sistem Perundangan Zakat di Malaysia," 2.
102. *Serambi Indonesia*, "Penduduk Aceh 4,486,570 Orang" <http://www.serambinews.com/news/view/37456/penduduk-aceh-4-486-570-orang/> (accessed 20 August 2010); Department of Statistics Malaysia, *Principal Statistics Kedah 2009*, [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=674](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=674)

- &Itemid=53&lang=bm.penduduk/ (accessed 30 December 2010). Penduduk Aceh 4,486,570 orang, manakala penduduk Kedah 1,942.6,000 orang.
103. Luckman, "Sumbangan dan Peranan Kedah dalam Pembinaan Tamadun Nusantara," 3; A. Samad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu I*, 32–34; Wan Shamsuddin Mohd Yusof, "Pertapakan dan Penyebaran Islam di Negeri Kedah," in *Hikayat Merong Mahawangsa* (Pulau Pinang: Kim Seik Press, 1316H/1898M), 103; Wan Shamsuddin Mohd Yusof, "Pertapakan dan Penyebaran Islam di Negeri Kedah," in "Penyebaran Islam di Tanah Melayu Sebelum Lahirnya Kerajaan Melayu Melaka: Sejarah dan Implikasinya," ed. Mahayudin Hj. Yahaya (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1995), 6.
  104. Amrullah, interview with autor, 12 May 2008.
  105. Ridzuan bin Ahmad (Penolong Setiausaha Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman), interview with autor, 27 July 2008.
  106. Bab V Pasal 11 Ayat 1 Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 7/2004; Bab III Bahagian Kesatu Pasal 8 Ayat 1 (a) sampai (f) Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 10/2007.
  107. Seksyen 3 (1), Enakmen Zakat 1374H (1955M).
  108. Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 7/2004 tentang Pengelolaan Zakat; Qanun Aceh No. 10/2007 tentang Baitulmal.
  109. Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nombor 7 tahun 2004 mengenai pengelolaan zakat yang kemudian diganti dengan Qanun No. 10/2007.
  110. Kamil, M. I., "Kesan Persepsi Undang-undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji." Paper presented at Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21–22 December 2002.
  111. Armiaidi, *Zakat Produktif*, 191.
  112. Amrullah, "Potensi Zakat dan Pemanfaatannya," *Majalah Baitulmal Aceh*, VI/Ogos–September (2010): 43.
  113. Timur, K. "Further Reflection on the Behavioral Norms of Islamic Economic," *Journal of Economic Behavior and Organization*, 27 (1995).
  114. Pasal 53, Bab XI, Qanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 Tentang Baitulmal; Pasal 50, Bab XI, Qanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 Tentang Baitulmal.
  115. Abd Hamid bin Lebai Saad, interview with author, 19 January 2011.
  116. Negeri Kedah telahewartakan fatwa berhubung kewajipan zakat pendapatan tersebut pada 10 April 1986. Warta Kerajaan No. 8, Jilid 29 Tahun 1986.
  117. *Kompas*, 27 August 2010.
  118. Pasal 18, Qanun Aceh No. 10 Tahun 2007 tentang Baitulmal.
  119. Abd Hamid bin Lebai Saad, interview with author, 30 November 2010.
  120. Amrullah, interview with author, 22 August 2008; Abd Hamid bin Lebai Saad, interview with author, 30 November 2010.

## BIBLIOGRAFI

Abdul Hakim Amir bin Osman. 2007. Potensi pembayar dan kutipan zakat di Malaysia. Paper presented at Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, organised by Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Lembaga Zakat Selangor (LZS-MAIS), Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) and Persatuan Akauntan dan Percukaian Malaysia (MATA), Putra World Trade Centre Kuala Lumpur. 22–24 May.

- Abdul Majid Hussin. 1980. Orang Aceh di Yan, Kedah: Satu tinjauan umum. In *Malaysia dari segi sejarah*, ed. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 15–30. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- 'Abd al-Rahman al-Jaziri. n.d. *Fiqh 'Ala Madhahib al-Arba'ah*, j.1. Misr: Maktabah Tijariyyah al-Kubra.
- Abu Bakr al-Juzayri. 1997. *Minhaj al-Muslim*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Mawardi, Ali ibn Muhammad. 2000. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Maktabah al-Asriyyah.
- al-Sarbini al-Khatib. 1958. *Mughni al-Muhtaj*. Qahirah: Al-Halabiyyah.
- al-Syawkani. n.d. *Fath al-Qadir*. Bayrut: 'Alam al-Kutub.
- al-Qurtubi. 1993. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Kutub al 'Ilmiyyah.
- Amrullah. 2008. *Regulasi zakat – dari fiqih klasik menuju fiqih negara*. Banda Aceh: Baitulmal Aceh.
- \_\_\_\_\_. 2009. *Perbandingan Baitulmal di Aceh dan BAZDA di luar Aceh*. Banda Aceh: Publikasi Baitulmal Aceh.
- \_\_\_\_\_. 2010. Potensi zakat dan pemanfaatannya. *Majalah Baitulmal Aceh*, Edisi ke VI/Ogos–September.
- Armiadi. 2008. *Zakat produktif: Solusi alternatif pemberdayaan ekonomi umat (potret dan praktek baitulmal Aceh)*. Darussalam Banda Aceh: Ar-Raniry Press.
- A. Samad Ahmad. 1963. *Sejarah Kesusasteraan Melayu I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badan Baitulmal. 2009. *Laporan Baitulmal Aceh 2008*. Aceh: Badan Baitulmal.
- \_\_\_\_\_. 2010. *Majalah Baitulmal Aceh*, ed. V, May–June.
- Bonney, R. 1971. *Kedah 1771–1821 the search for security and independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Department of Statistics Malaysia. 2010. *Principal statistics Kedah 2009*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

- Hasbi As-Siddiqy. 2006. *Pedoman zakat*. 2nd ed. Semarang: PT. Pustaka Rizki Putra.
- Hasrul bin Amir. n.d. *Sejarah tertubuhnya kutipan zakat oleh Ulil Amri*. Kedah: Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman.
- Ibn Qudamah. n.d. *al-Muqni*. Riyad: Muassasah Sa'idiyyah.
- Ishak Mohd Rejab. 1993. Haji Husain Mohd Nasir al-Mas'udi al-Banjari. In *Ulama silam dalam kenangan*, eds. Ismail Mat. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hj. Saleh. 2007. *Kedatangan Islam di Kedah serta penyebaran dan perkembangannya*. Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- Jabatan Zakat Negeri Kedah. 1992. *Sejarah Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) Darul Aman*, Risalah sempena Perasmian Menara Kedah oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman. Alor Setar: Majlis Agama Islam Kedah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Kamil Md. Idris. 2002. Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. Paper presented at Muzakarah Pakar Zakat, organised by Kumpulan Penyelidik Zakat, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 21–22 December.
- Lee, K. H. 1972. Aceh dan Semenanjung Tanah Melayu dalam kurun ke 16 dan ke 17. In *Sejarah Malaysia sepintas lalu*, ed. Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 12–25. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Luckman Sinar. 1990. Sumbangan dan peranan Kedah dalam pembinaan tamadun nusantara. Paper presented at Himpunan Budayawan Malaysia, organised by Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, Alor Setar, Kedah. 17–18 November.
- Mahayudin Hj. Yahaya. 2008. *Penyebaran Islam di Tanah Melayu sebelum lahirnya Kerajaan Melayu Melaka: Sejarah dan implikasinya dalam polemik sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Majlis Agama Islam Kedah. 2010. *Laporan zakat 2009*. Alor Setar: Percetakan Nasional Berhad.

- \_\_\_\_\_. 2009. *Laporan zakat 2008*. Alor Setar: Percetakan Nasional Berhad.
- \_\_\_\_\_. 2007. *Laporan zakat 2006*. Alor Setar: Percetakan Nasional Berhad.
- Majma' Lughah al-'Arabiyyah. 1972. *al-Mu'jam al-Wasit*, j.1. Misr: Dar al-Ma'arif.
- Mohamed Mustafa Ishak, Syamsul Anuar Ismail and Rohana Yusof. 2004. *Kedah dalam lipatan sejarah: Koleksi artikel Dato' Wan Shamsuddin Mohd Yusof*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Ali Baharum. 1989. Bidangkuasa pungutan zakat: Kajian kepada enakmen negeri-negeri di Malaysia Barat. In *Zakat ditinjau dari perspektif sosial, undang-undang dan taksiran*, ed. Mohd Ali Baharum, 29–56. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Monzer Kahf. 1999. The principle of sosioeconomic justice in the contemporary fiqh of zakah. *The Iqtisad (Journal of Islamic Studies)* v.1(1): 22–44.
- Muhammad 'Abd al-Mun'im Khafaji. 1990. *al-Iqtisad al-Islami*. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Muhammad 'Ali al-Sabuni. 1993. *Safwah al-Tafasir*, j.1. Bayrut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad bin Sal al-'Uthaymin. 1995. *Fiqh 'Ibadah*. Riyad: Dar al-Watan.
- Muslim Ibrahim. 2002. *Baitulmal sebagai lembaga pengelolaan kekayaan daerah*. Banda Aceh: Pusat Studi Hukum Islam dan Masyarakat, Fakultas Syari'ah IAIN Ar-Raniry.
- Nuruddin Mhd. Ali. 2006. *Zakat sebagai instrumen dalam kebijakan fiskal*. <http://idb2.wikispaces.com/file/view/sm2005+Zakat+Sebagai+Instrumen+dalam+Kebijakan+Fiskal.pdf/> (accessed 26 January 2011).
- Republika. 2010. *Potensi zakat di Indonesia capai Rp 100 triliun*. <http://www.republika.co.id/berita/ramadhan/berita-ramadhan/10/08/11/129618-potensi-zakat-di-indonesia-capai-rp-100-triliun> (accessed 27 January 2011).
- Sabih, as-Siddiqy. 2006. *Sejarah pertumbuhan dan perkembangan hukum Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

- Sayyid Sabiq. 1968. *Fiqh al-Sunnah*, j. 3. Kuwayt: Dar al-Bayan.
- Serambi Indonesia. 2010. *Penduduk Aceh 4.486.570 orang*, <http://www.serambinews.com/news/view/37456/penduduk-aceh-4-486-570-orang/> (accessed 20 August 2010).
- Siti Mashitoh Mahamood. 2007. Sistem perundangan zakat di Malaysia: Antara realiti dan harapan. Paper presented at Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, Putra World Trade Centre Kuala Lumpur. 22 May.
- Sofyan Eko Putra. 2007. Optimalisasi ZIS dan penghapusan pajak (cukai): Sebagai upaya peningkatan kemandirian ekonomi masyarakat miskin di era autonomi daerah. *Jurnal Pembangunan* 8(1): 96–111.
- Timur, Kuran. 1995. Further reflection on the behavioral norms of Islamic economic. *Journal of Economic Behavior and Organization* 27(1): 159–163.
- Wahbah al-Zuhayli. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j.2. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Wan Shamsuddin Mohd Yusof. 1316H/1898M. Pertapakan dan penyebaran Islam di Negeri Kedah. In *Hikayat Merong Mahawangsa*, ed. Siti Hawa Salleh, 18–31. Pulau Pinang: Kim Seik Press.
- Yahaya Abu Bakar. 1996. Mentelusuri beberapa kesan Islamisasi di Tanah Melayu menjelang abad ke XVI Masihi. Paper presented at Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Kali Kedua, Auditorium Perbadanan perpustakaan Awam Kedah, Alor Setar. 28–30 September.
- Yusuf al-Qaradawi. 2010. *Hukum zakat studi komparatif mengenai status dan filsafat zakat berdasarkan Qur'an dan hadis*. Indonesia: PT. Pustaka Litera AntarNusa.
- \_\_\_\_\_. 1996. *Fiqh al-Awlawiyyat*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- \_\_\_\_\_. 1985. *Fiqh al-Zakah*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Zakiah Daradjat dkk. 1995. *Ilmu Fiqh*, j.1. Yogyakarta: Dharma Bakti Wakaf.